'Manfaatkan teknologi sebar luas kaedah P&P guru terbaik kepada pelajar di seluruh negara' - Tun M

Oleh Suzalina Halid - Ogos 17, 2024 @ 11:17pm

suzalina@bh.com.my



Presiden Sepanjang Hayat SAHOCA KL, Tun Dr. Mahathir berucap pada majlis santapan malam sambutan jubli emas SAHOCA KL 2024 di Grand Dorsett Subang. NSTP/SAIFULLIZAN TAMADI

SUBANG JAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad menyarankan supaya kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) berubah seiring perkembangan teknologi bagi memastikan lebih ramai murid negara ini berpeluang mendapatkan ilmu daripada guru terbaik.

Dr Mahathir berkata, penggunaan teknologi membolehkan guru terbaik di Malaysia menyumbang ke arah peningkatan pendidikan dengan membuat rakaman video sebagai teknik pengajaran untuk rujukan murid di seluruh negara.

"Saya berpendapat bahawa sudah tiba masa untuk kita tukar cara mengajar...jika dahulu kita cuma hanya ada guru darjah yang mengajar. Kadang-kala kita dapat guru yang baik mengajar dan kita dapat keputusan cemerlang.

"Namun kadang-kala kita kurang bernasib baik...tetapi sekarang oleh kerana kita boleh membuat rakaman video, jadi kita boleh mendapatkan guru terbaik untuk membuat rakaman.

"Rakaman itu kemudiannya boleh digunakan di seluruh negara, malah setiap sekolah boleh dapat pelajaran daripada guru terbaik di Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian berucap pada Majlis Sambutan Jubli Emas Persatuan Bekas Pelajar Kolej Sultan Abdul Hamid (SAHOCA) Kuala Lumpur 2024 di sini, malam ini.

Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah, berkenan berangkat seterusnya merasmikan sambutan Jubli Emas SAHOCA KL.



Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah diiringi Presiden Sepanjang Hayat SAHOCA KL, Tun Dr Mahathir, Presiden SAHOCA KL, Datuk Zulkhairi Md. Zain melancarkan '50 Years of Camaraderie' pada majlis santapan malam sambutan jubli emas SAHOCA KL 2024. NSTP/SAIFULLIZAN TAMADI

Hadir sama pada majlis itu ialah isteri Dr Mahathir, Tun Dr SitI Hasmah Mohd Ali; EXCO Industri dan Pelaburan, Pengajian Tinggi, Sains, Teknologi dan Inovasi Kedah, Dr Haim Hilman Abdullah serta Presiden SAHOCA KL, Datuk Ar Zulkhairi Md Zain.

Kolej Sultan Abdul Hamid (KSAH) diasaskan pada 8 Disember 1908 sebagai Goverment English School (GES) dan Pengetua pertamanya, Mohamad Iskandar, yang juga bapa kepada Dr Mahathir.

Pada tahun 1935, nama GES ditukar menjadi Sultan Abdul Hamid College (SAHC) sempena Sultan Abdul Hamid Halim Shah. Sekolah ini kemudiannya dikenali KSAH.

Dr Mahathir yang juga Presiden Sepanjang Hayat SAHOCA KL, berharap kerajaan akan dapat memberikan perhatian kepada penggunaan teknologi termasuk memanfaatkan sepenuhnya kemudahan itu.

Dalam perkembangan berasingan, Dr Mahathir yang pernah belajar di sekolah itu pada 1932, berharap KSAH yang diberi pengiktirafan sebagai Sekolah Premier Negeri Kedah pada 1999, dapat diiktiraf sebagai institusi pendidikan terbaik di Malaysia.

Sultan Sallehuddin turut berkenan melancarkan Anugerah Aspirasi 50 SAHOCA KL yang menjadi inisiatif bagi memberi penghargaan kepada pelajar terbaik yang berjaya menerima pingat emas tahunan KSAH.



Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah menyampaikan anugerah 'Semangat Padi' SAHOCA KL kepada Presiden Sepanjang Hayat SAHOCA KL, Tun Dr. Mahathir pada majlis santapan malam sambutan jubli emas SAHOCA KL 2024. NSTP/SAIFULLIZAN TAMADI

Pada majlis itu, Sultan Sallehuddin turut berkenan menyampaikan Anugerah Semangat Padi SAHOCA Kuala Lumpur (KL) kepada Dr Mahathir .

Anugerah Semangat Padi adalah khusus kepada ahli SAHOCA KL atau bekas pelajar KSAH yang berjaya menjawat jawatan tertinggi dalam perkhidmatan awam Malaysia.

Anugerah itu akan diberikan setiap tahun bermula tahun ini sehingga 50 tahun akan datang.

Sementara itu, Zulkhairi berharap SAHOCA KL akan terus menjadi jambatan untuk mengeratkan tali persahabatan di antara ahli dan menyemai bakti membantu pelajar yang sedang menuntut di KSAH.



Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah berkena menerima cenderahati daripada Presiden SAHOCA KL, Datuk Zulkhairi Md. Zain diperhatikan Presiden Sepanjang Hayat SAHOCA KL, Tun Dr. Mahathir pada majlis santapan malam sambutan jubli emas SAHOCA KL 2024. NSTP/SAIFULLIZAN TAMADI

Beliau berkata, bermula dengan objektif untuk membantu bekas pelajar KSAH yang merantau di Selangor lebih 40 tahun lalu, SAHOCA KL kini menjadi persatuan alumni yang aktif menganjurkan pelbagai aktiviti, selain memberi sumbangan kepada pelajar kolej itu di Alor Setar, Kedah.

"SAHOCA KL kini boleh berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan persatuan alumni yang lama menyambut ulangtahun ke-50 penubuhan mereka," katanya.



Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah, berkenan bergambar kenangan bersama ahli Jawatankuasa SAHOCA KL sempena sambutan jubli emas malam tadi.

Zulkhairi berkata, melalui Anugerah Semangat Padi pula, SAHOCA KL ingin mencetuskan aspirasi kepada pelajar atau bekas pelajar kini dan masa depan untuk berusaha mencapai kejayaan tertinggi dalam bidang masing-masing.

Pada majlis itu, SAHOCA KL turut memperkenalkan tali leher rasmi baharu yang akan digunakan ahli untuk tempoh 50 tahun akan datang sehingga 2074.